



**MAJLIS DAERAH MACHANG,  
18500 MACHANG, KELANTAN  
TEL : 09-9751076**

---

## **IKLAN JAWATAN KOSONG**

A. Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia ( lelaki/perempuan ) yang berkelayakan untuk memohon jawatan di Majlis Daerah Machang, 18500 Machang, Kelantan sebagaimana berikut :

1. a. Jawatan : **PEMBANTU KESIHATAN AWAM, GRED U19**
- b. Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- c. Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan
- d. Jadual Gaji Gred U19 : Min(RM1,360.00) - Max(RM4,052.00)
- e. Taraf Jawatan : Tetap
- f. Kekosongan : 1 kekosongan
- g. **Syarat Lantikan**

1. Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- a. warganegara Malaysia ;
- b. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh iklan jawatan ; dan
- c. i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau  
**(Gaji permulaan U19 : RM1,360.00)**

- ii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yg yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta Sijil Pembantu Kesihatan Awam yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**(Gaji permulaan U19 : RM1,418.00)**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vakasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

### **Syarat Peningkatan Secara Lantikan (PSL) :**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Perawatan Kesihatan dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Kesihatan Awam Gred U19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan ;

- i. Mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c) ; atau
- ii. Lulus peperiksaan Khas ; dan
- iii. Had umur pelantikan :

- a) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun ; atau

- b) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun ; atau
- c) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**#####**

- 2. a. Jawatan : **Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)**
- b. Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- c. Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan
- d. Jadual Gaji Gred N19 : Min(RM1,352.00) - Max(RM4,003.00)
- e. Taraf Jawatan : Tetap
- f. Kekosongan : 2 kekosongan

g. **Syarat Lantikan**

1. Calon-calun bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan ; atau  
**(Gaji permulaan N19 : RM1,352.00)**; atau

ii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**(Gaji permulaan N19 : RM1,408.00)**; atau

iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**(Gaji permulaan N19 : RM1,464.00)**

(2) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vakasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan

**Syarat Peningkatan Secara Lantikan (PSL) :**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Bentara Parlimen, Pemandu Kenderaan, Penghantar Notis dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan

Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi) Gred N19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan ;

- i. Mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c) ; atau
- ii. Lulus peperiksaan Khas ; dan



- v. lulus ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata ;
- vi. pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat ; dan
- vii. diperiksa dan diakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

(2) Calon bagi lantikan dengan kelayakan 1 (c) hendaklah memiliki Kejujuran (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vakasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan

**B. CARA MEMOHON DAN TARIKH TUTUP :**

Semua permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan MDM. 1 berharga RM3.00 yang boleh didapati di Pejabat Majlis Daerah Machang, Kelantan. Sila hantar permohonan anda ke alamat berikut :

**Yang Dipertua, Majlis Daerah Machang, Jalan Tok Kemuning, 18500 Machang, Kelantan.**

**D. AM**

1. Pegawai-pegawai Kerajaan yang berkhidmat hendaklah mengemukakan borang permohonan mereka melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan 17, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Perlantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamantan Perkhidmatan) 2009 dan pastikan dihantar bersama dengan Kenyataan Perkhidmatan yang kemaskini dan Laporan Nilai Prestasi 2016, 2017 & 2018. Bagi bekas tentera laporan Bad D 92A dan 92D hendaklah dilampirkan. Borang permohonan yang dikemukakan tanpa Kenyataan Perkhidmatan dan Laporan Nilai Prestasi akan ditolak.
2. Tiap-tiap permohonan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran Pasport, salinan-salinan kad pengenalan, Sijil Kelahiran, Ijazah, Diploma dan Sijil-sijil Persekolahan atau Dokumen/testimonial yang berkaitan yang telah disahkan oleh Pegawai Kumpulan A dan sampul surat berukuran 22cm x 11cm beralamat sendiri serta berselem 60 sen.
3. Permohonan yang lewat atau tidak menurut peraturan di atas tidak akan dilayan.
4. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
5. Pemohon yang tidak menerima apa-apa jawapan selepas 6 bulan daripada tarikh tutup permohonan, hendaklah menganggap permohonannya tidak berjaya.
6. Pemohon bekas tentera hendaklah menyertakan salinan Bat D 92A dan Bat D 92D yang **tidak menerima pencen** sahaja.

**E. TARIKH TUTUP ; Sebelum atau pada : 19hb. (Rabu) Disember, 2018.**

.....  
**(MOHAMAD SANY BIN SATTAR)**  
**Setiausaha, Majlis Daerah Machang,**  
**Bertarikh : 4hb. Disember, 2018**